

20/08/1997

BSKL sedia maklumat dalam Internet

Husain Jahit

ORANG ramai boleh mendapatkan maklumat terperinci setiap syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) melalui Internet secara percuma dengan pelaksanaan sistem KLSE-RIS.

Singkatan kepada KLSE-RIIAM Information System, KLSE-RIS ialah sistem maklumat industri sekuriti tempatan komprehensif dan yang pertama seumpamanya ditawarkan oleh BSKL.

Ia dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena pembukaan rasmi bangunan baru BSKL di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Institut Penyelidikan Analisa Pelaburan Malaysia (RIIAM), syarikat di bawah naungan BSKL, memulakan pembangunan KLSE-RIS sejak awal tahun ini dan melantik Applied Information Management Services Sdn Bhd (AIMS) bagi membangun dan menyelenggarakan sistem terbabit.

Menurut jurucakap RIIAM, pembangunan sistem dengan pembelanjaan RM2 juta dibiayai sepenuhnya oleh BSKL bersama komitmen kewangan berjumlah RM700,000 setiap tahun daripada setiap ahli BSKL.

Langkah menyediakan kemudahan akses itu adalah sebahagian inisiatif BSKL bagi memberi maklumat tentang pasaran saham dan sekuriti kepada masyarakat pelabur.

Pangkalan data yang digunakan adalah berdasarkan laporan kewangan tahunan setiap syarikat sejak tahun 1990.

Paparan dengan susunan menarik itu membolehkan pengguna mendapat laporan kewangan sehingga empat tahun dalam satu paparan. Ini memudahkan pengguna membuat analisis dan perbandingan.

Pakar runding yang dilantik bagi melaksanakan sistem itu, Profesor Dr Malick SY, berkata pembangunan sistem itu sekali gus mengurangkan spekulasi pasaran saham negara.

"Spekulasi saham adalah suatu aktiviti tidak sihat. Dengan adanya sistem ini, pelabur dapat dilatih membuat analisis dan sedikit penyelidikan sebelum membeli atau menjual sesuatu saham itu," katanya.

"Selain membuat analisis, pelabur boleh melakukan pelbagai bentuk pengiraan mudah dan sukar dengan sistem ini. Penyediaannya yang teliti memudahkan dan meyakinkan pelabur," katanya kepada pemberita dalam sidang akhbar yang diadakan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Langkah ini juga dilihat sebagai inisiatif pihak BSKL dalam menyediakan perkhidmatan bertaraf dunia di samping menarik pelabur luar negara untuk melabur dalam pasaran saham tempatan.

Sistem ini dibahagikan kepada tiga modul dengan kawasan lebih spesifik iaitu "KLSE-RIS Trader", "KLSE-RIS Pricing Package", dan "KLSE-RIS Securities Analysis Package".

Di antara maklumat yang disediakan termasuk penyata kewangan, akaun untung rugi, ringkasan kewangan, nisbah, ahli lembaga pengarah, pemegang saham, dividen, pengumuman dan anak syarikat bagi setiap syarikat yang tersenarai di BSKL.

Ia juga memaparkan harga saham tempatan yang dihubungkan secara langsung dengan BSKL tetapi data harga adalah lewat lima minit kerana proses penghantaran data dari BSKL ke pusat kawalan sistem di AIMS.

(END)